

Kes demam denggi serius

BH 21/12/13 MS15

» Empat negeri catat peningkatan mendadak

Oleh Siti Sofia Md Nasir
dan Naqib Nor Said
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kes demam denggi di seluruh negara kini membimbangkan dengan empat negeri merekodkan peningkatan mendadak.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata Negeri Sembilan mencatat kes tertinggi, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pulau Pinang serta Melaka.

Katanya, jumlah kumulatif

kes demam denggi di seluruh negara turut mencatatkan peningkatan kepada 39,222 kes bagi tempoh 1 Januari hingga 14 Disember tahun ini, berbanding 20,923 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan sebanyak 45 kes (113 peratus), Kuala Lumpur dan Putrajaya 15 kes (24 peratus), Pulau Pinang 9 kes (33 peratus) dan Melaka (17 peratus).

39,222 kes tahun ini

“Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan di seluruh negara dari 1 Januari hingga 14 Disember tahun ini adalah 39,222 kes, berbanding 20,923 kes dalam tempoh sama 2012, peningkatan 87.5 peratus atau 18,299 kes,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, jumlah kematian bagi kes demam denggi turut mencatatkan pertambahan dengan 83 kematian



“**Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan di seluruh negara dari 1 Januari hingga 14 Disember tahun ini adalah 39,222 kes”**

Lokman Hakim Sulaiman,
Timbalan Ketua Pengarah
Kesihatan (Kesihatan Awam)

berbanding hanya 35 kematian bagi tempoh sama tahun lalu.

4 kes terbaru kematian

Katanya, kes kematian denggi terbaru yang dicatatkan melibatkan tiga wanita dari Selangor dan seorang lelaki dari Pulau Pinang, berusia antara 33 hingga 75 tahun.

“Semua kes sudah mendapatkan rawatan setelah mengalami tanda-tanda demam denggi dan menerima rawatan di wad sebelum dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas keadaan semakin kritikal,” katanya.

Dr Lokman Hakim berkata, Selangor merekodkan kawasan berwabak tertinggi iaitu 375 kawasan, Johor (31), Perak (30), Negeri Sembilan (22), Kuala Lumpur dan Putrajaya (21), Melaka (6), Pulau Pinang (5), Sarawak dan Kelantan (2) serta Kedah, Pahang, Labuan masing-masing satu kes.